




# POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN

## SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD (453286-D)



**“BerSATU Berintegriti,  
Air Terengganu Mutlak Suci”**

**Bahagian Integriti & Governans SATU**

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

---

## NOTIS PENAFIAN

---

Polisi ini adalah hak milik Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (“SATU”) dan telah disediakan untuk kegunaan eksklusif pihak pengurusan dan kakitangan SATU.

Polisi ini bertujuan untuk edaran dalaman sahaja dan sebarang pendedahan maklumat kepada mana-mana pihak ketiga atau orang yang tidak dibenarkan, tanpa kebenaran, dianggap sebagai satu kesalahan.

---

## PINDAAN

---


Pindaan terhadap polisi tertakluk kepada had kuasa yang dinyatakan dalam Had Kuasa SATU.

---

Diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah SATU pada Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 04/2023 yang diadakan pada 14 Disember 2023

---




 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU</b> <b>SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

---

## ISI KANDUNGAN

---

<b>NOTIS PENAFIAN</b> .....	1
<b>PINDAAN</b> .....	1
<b>REKOD PINDAAN</b> .....	2
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	3
<b>SINGKATAN</b> .....	4
1.0 OBJEKTIF .....	5
2.0 SKOP .....	5
3.0 DEFINISI .....	5
4.0 PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN .....	7
5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB .....	12
6.0 BORANG PERMOHONAN .....	13
7.0 BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI .....	14
8.0 BORANG SEMAKAN PEMATUHAN ( <i>COMPLIANCE CHECKLIST</i> ) .....	14
9.0 AKTIVITI YANG DILARANG .....	14
10.0 PELANGGARAN POLISI .....	15
11.0 PINDAAN/PENGEMASKINIAN .....	16
12.0 TARIKH KUATKUASA .....	16
13.0 RUJUKAN .....	17
LAMPIRAN I (A): CARTA ALIR PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN OLEH SATU .....	18
LAMPIRAN I (B): CARTA ALIR PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN OLEH KSKK SATU .....	19
LAMPIRAN II: BORANG PERMOHONAN .....	21
LAMPIRAN III: BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI .....	22
LAMPIRAN IV: BORANG SEMAKAN PEMATUHAN ( <i>COMPLIANCE CHECKLIST</i> ) .....	24

	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

---



---


## SINGKATAN

---



---

ALP	:	Ahli Lembaga Pengarah
BIG	:	Bahagian Integriti & Governans
CSR	:	Tanggungjawab Sosial Korporat
KPE	:	Ketua Pegawai Eksekutif
KSKK SATU	:	Kelab Sukan & Kebajikan Kakitangan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
MPSM	:	Manual Pengurusan Sumber Manusia
SATU	:	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
SPRM	:	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

## 1.0 OBJEKTIF


- 1.1 Polisi ini merupakan panduan dalam mengendalikan CSR, tajaan dan sumbangan yang perlu dipatuhi oleh semua pengarah dan kakitangan SATU di semua peringkat syarikat termasuk KSKK SATU. Ianya dibangunkan selaras dengan keperluan memenuhi tatacara mencukupi dan Akta SPRM 2009.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Polisi ini terpakai kepada semua pengarah, kakitangan SATU dan semua pihak yang terlibat.


## 3.0 DEFINISI

- 3.1 Definisi berikut akan digunakan secara keseluruhan polisi kecuali dinyatakan sebaliknya:
- (a) **“SATU”** bermaksud Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
  - (b) Istilah **“Kakitangan”** bermaksud mana-mana orang yang bekerja di SATU termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan tetap, kontrak, eksekutif, bukan eksekutif, dan individu yang diambil secara langsung.
  - (c) Maksud **“CSR”** adalah tanggungjawab sosial korporat. Program CSR meliputi aktiviti berkaitan komuniti, pendidikan, alam sekitar dan keagamaan oleh SATU/KSKK SATU atau kepada KSKK SATU yang dirancang bagi menyokong fokus bidang CSR SATU atau KSKK SATU.
  - (d) Maksud **“Tajaan”** secara umum adalah merangkumi aktiviti di peringkat korporat seperti majlis rasmi/ seminar/ konvensyen/ lawatan/ latihan perindustrian/sukan dan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan tajaan daripada SATU/KSKK SATU atau kepada KSKK SATU.
  - (e) Maksud **“Sumbangan”** secara umum adalah merupakan bantuan atau sokongan daripada SATU/KSKK SATU atau kepada KSKK SATU untuk mereka (kakitangan SATU dan pihak ketiga) yang dilanda musibah/kecelakaan tetapi

 SYARIKAT AIR TERENGGANU <b>SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

tidak terhad kepada bantuan kemanusiaan atau kebajikan.

- (f) Maksud “**Pihak Ketiga**” adalah seseorang atau badan yang tidak mempunyai hubungan rasmi dan perniagaan dengan SATU seperti masyarakat awam, komuniti, badan kebajikan atau mana-mana pihak yang tidak dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak SATU.
- (g) Maksud “**Rakan Perniagaan**” adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada klien, pelanggan, pembekal luar, kontraktor, sub-kontraktor, vendor, konsultan, ejen , agensi kewangan atau mana-mana pihak yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak SATU.
- (h) Maksud “**Inisiatif**” merujuk kepada sebarang pembiayaan wang, barangan atau perkhidmatan yang berkaitan dalam sebarang program CSR, tajaan dan sumbangan di bawah polisi ini tanpa syarat (*unconditional gift*) atau secara sukarela (*voluntary*).

 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

## 4.0 PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN


### 4.1 Pengendalian CSR

#### 4.1.1 Oleh SATU:

- (a) SATU komited terhadap usaha CSR untuk kesejahteraan komuniti, pendidikan, alam sekitar dan keagamaan.
- (b) Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa semua inisiatif CSR dibuat berdasarkan undang-undang serta peraturan, tanpa niat mempengaruhi seseorang untuk bertindak secara tidak wajar atau sebagai ganjaran kerana telah bertindak secara tidak wajar.
- (c) Semua permintaan dan cadangan untuk inisiatif CSR oleh SATU mesti dipersetujui oleh pihak pengurusan, KPE atau ALP dengan berpandukan kepada had yang ditetapkan.
- (d) SATU tidak boleh menerima inisiatif CSR dari pihak ketiga atau rakan perniagaan.
- (e) SATU melarang warga kerja meminta daripada rakan perniagaan untuk memberi inisiatif CSR kepada individu, rakan atau saudara mereka.

#### 4.1.2 Oleh KSKK SATU:

- (a) KSKK SATU komited terhadap usaha CSR untuk kesejahteraan komuniti, pendidikan, alam sekitar dan keagamaan.
- (b) Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa semua inisiatif CSR dibuat berdasarkan undang-undang serta peraturan, tanpa niat mempengaruhi seseorang untuk bertindak secara tidak wajar atau sebagai ganjaran kerana telah bertindak secara tidak wajar.
- (c) Semua permintaan dan cadangan untuk inisiatif CSR oleh KSKK SATU mesti dipersetujui oleh ahli jawatankuasa KSKK SATU dengan berpandukan kepada perlembagaan KSKK SATU.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

(d) KSKK SATU dibenarkan menerima inisiatif CSR dari SATU, pihak ketiga atau rakan perniagaan. Pemberian dalam bentuk wang hendaklah melalui Electronic Fund Transfer (EFT) atau cek sahaja.

(e) KSKK SATU melarang ahli meminta daripada rakan perniagaan untuk memberi inisiatif CSR kepada individu, rakan atau saudara mereka.

## 4.2 Pengendalian Tajaan

### 4.2.1 Oleh SATU:

(a) Inisiatif tajaan yang dibenarkan adalah merangkumi inisiatif penajaan yang menyokong permintaan selaras dengan majlis rasmi/ seminar/ konvensyen/ lawatan/ latihan perindustrian/sukan dan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan tajaan.

(b) Inisiatif tajaan yang **tidak dibenarkan** adalah merangkumi skop berikut:

(i) Tajaan yang melibatkan mana-mana parti politik, ahli gabungan politik, atau ahli politik.


(ii) Tajaan yang dianggap mempunyai apa-apa kesan (oleh pemberi atau penerima) terhadap tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan operasi SATU.

(iii) Tajaan yang tidak terbuka, tidak telus atau sesuatu yang mempunyai unsur syak wasangka.

(iv) Tajaan kepada SATU oleh pihak ketiga atau rakan perniagaan.

### 4.2.2 Oleh KSKK SATU:

(a) Inisiatif tajaan yang dibenarkan adalah merangkumi inisiatif penajaan dan derma syarikat yang menyokong permintaan selaras dengan majlis rasmi/ seminar/ konvensyen/ lawatan/ latihan perindustrian/ sukan dan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan tajaan.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU <b>SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

(b) Inisiatif tajaan yang **tidak dibenarkan** adalah merangkumi skop berikut:

- (i) Tajaan yang melibatkan mana-mana parti politik, ahli gabungan politik, atau ahli politik.
- (ii) Tajaan yang dianggap mempunyai apa-apa kesan (oleh pemberi atau penerima) terhadap tindakan atau keputusan yang berkaitan dengan operasi SATU.
- (iii) Tajaan yang tidak terbuka, tidak telus atau sesuatu yang mempunyai unsur syak wasangka.
- (iv) Tajaan kepada KSKK SATU yang tidak melalui saluran *Electronic Fund Transfer* (EFT) atau cek.


#### 4.3 Pengendalian Sumbangan

##### 4.3.1 Oleh SATU:

- (a) SATU dilarang menerima apa-apa bentuk inisiatif sumbangan sama ada dari pihak ketiga mahupun dari rakan perniagaan.
- (b) SATU dibenarkan untuk memberikan inisiatif sumbangan kepada kakitangan dan pihak ketiga (yang bukan rakan perniagaan) dengan memfokuskan, tetapi tidak terhad kepada bantuan kemanusiaan, kebajikan dan perkara lain yang berkaitan. Semua sumbangan yang dilaksanakan hendaklah bertujuan untuk mempromosi dan mempamerkan:
  - (i) Penjenamaan dan reputasi SATU.
  - (ii) Tadbir urus baik.
  - (iii) SATU tidak boleh menerima sumbangan dari mana-mana pihak.

##### 4.3.2 Oleh KSKK SATU:


- (a) KSKK SATU dibenarkan menerima apa-apa bentuk inisiatif sumbangan sama ada dari SATU, pihak ketiga mahupun dari rakan perniagaan perniagaan.

 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

- (b) KSKK SATU dibenarkan untuk memberikan inisiatif sumbangan kepada kakitangan dan pihak ketiga (yang bukan rakan perniagaan) dengan memfokuskan, tetapi tidak terhad kepada bantuan kemanusiaan, kebajikan dan perkara lain yang berkaitan.
- (c) KSKK SATU tidak boleh menerima inisiatif sumbangan dari mana-mana pihak sekiranya ia tidak melalui saluran Electronic Fund Transfer (EFT) atau cek.
- (d) Semua permintaan dan cadangan untuk sumbangan oleh KSKK SATU mesti dipersetujui oleh ahli jawatankuasa KSKK SATU dengan berpandukan kepada perlembagaan KSKK SATU.

#### 4.4 Rumusan Pengendalian

- (a) KSKK SATU merupakan entiti yang berasingan daripada pengurusan SATU. Hanya KSKK SATU yang dibenarkan untuk mendapat inisiatif CSR, tajaan dan sumbangan daripada pihak ketiga/rakan perniagaan.


 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU</b> <b>SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan : SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :
	Tarikh Kuatkuasa: 14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN

(b) Rumusan pengendalian adalah seperti berikut:

Kategori	Penganjur	Terima daripada Pihak Ketiga/ Rakan Perniagaan	Beri kepada Pihak Ketiga (Bukan Rakan Perniagaan)	Beri kepada Kakitangan SATU	Kriteria
<b>CSR</b>	SATU	Tidak Dibenarkan	Dibenarkan	Tidak Dibenarkan	Komuniti, Pendidikan, Alam Sekitar, Keagamaan,
	KSKK SATU	Dibenarkan	Dibenarkan	Dibenarkan	
<b>TAJAAN</b>	SATU	Tidak Dibenarkan	Dibenarkan	Dibenarkan	Majlis Rasmi, Seminar, Konvensyen, Lawatan, Aktiviti Sukan.
	KSKK SATU	Dibenarkan	Dibenarkan	Dibenarkan	
<b>SUMBANGAN</b>	SATU	Tidak Dibenarkan	Dibenarkan	Dibenarkan	Tidak terhad kepada Bantuan Kemanusiaan, Kebajikan.
	KSKK SATU	Dibenarkan	Dibenarkan	Dibenarkan	


(c) Carta Alir Proses Pengendalian CSR, Tajaan dan Sumbangan

- (i) SATU – Sila rujuk **Lampiran I(A)**.
- (ii) KSKK SATU – Sila rujuk **Lampiran I(B)**.

 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

## 5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat dan kakitangan yang terlibat dalam pengendalian CSR, tajaan atau sumbangan adalah bertanggungjawab kepada pematuhan polisi ini:
- (a) Ketua bahagian boleh meminta pegawai terlibat memberikan penjelasan sekiranya meragui apa-apa bentuk penerimaan dan pemberian (wang, barangan atau perkhidmatan).
  - (b) Ketua bahagian hendaklah melaporkan kepada BIG sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan CSR, sumbangan dan tajaan.
- 5.2 KSKK SATU adalah bertanggungjawab dalam:
- (a) Pengerusi dan ahli jawatankuasa KSKK SATU yang terlibat dalam pengendalian CSR, tajaan atau sumbangan adalah bertanggungjawab kepada pematuhan polisi ini.
  - (b) Pengerusi dan ahli jawatankuasa KSKK SATU boleh meminta pegawai terlibat memberikan penjelasan sekiranya meragui apa-apa bentuk penerimaan dan pemberian (wang, barangan atau perkhidmatan).
  - (c) Pengerusi dan ahli jawatankuasa KSKK SATU hendaklah melaporkan kepada BIG sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan CSR, sumbangan dan tajaan.
  - (d) Pengerusi dan ahli jawatankuasa KSKK SATU berhak membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak permohonan CSR, sumbangan atau tajaan berdasarkan penilaian ahli jawatankuasa KSKK SATU.
  - (e) KSKK SATU tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian salahlaku di luar tadbir urus KSKK SATU oleh pihak ketiga, rakan perniagaan atau kakitangan SATU.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

(f) Sebarang keputusan KSKK SATU tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak termasuk pihak pengurusan dan pengarah SATU.

5.3 Pemohon adalah bertanggungjawab dalam:

- (a) Memastikan permohonan dibuat adalah telus dan adil serta tidak mewujudkan unsur-unsur ugutan.
- (b) Membuat pengisytiharan dan aku janji sekiranya timbul atau mungkin timbul sebarang konflik kepentingan semasa membuat permohonan atau di masa hadapan.
- (c) Memastikan CSR, tajaan atau sumbangan yang diberikan tidak akan dijadikan asas bagi mendapatkan kemudahan atau kelebihan dalam menjalankan aktiviti dengan SATU.


5.4 Bahagian Integriti & Governans adalah bertanggungjawab dalam:

- (a) Mengemas kini dan menambah baik polisi ini selaras dengan kesesuaian dan keperluan SATU
- (b) Memastikan pelaksanaan semakan pematuhan dibuat secara telus dan adil.

## 6.0 BORANG PERMOHONAN

6.1 Pihak yang berhasrat untuk memohon sebarang CSR, tajaan dan sumbangan bertanggungjawab memohon secara rasmi melalui prosedur berikut:

- (a) Memohon kepada SATU: Perlu menghantar surat rasmi kepada KPE.
- (b) Memohon kepada KSKK SATU: Perlu menghantar surat rasmi kepada Pengerusi KSKK SATU dan/atau mengisi Borang Permohonan (**Rujuk Lampiran II**) yang disertakan bersama-sama dengan Kertas Cadangan, mengikut kesesuaian.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

## 7.0 BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI


7.1 Pihak yang terlibat dalam pengendalian CSR, tajaan dan sumbangan bertanggungjawab melengkapkan **Borang Pengisytiharan Kepentingan Dan Akujanji (Rujuk Lampiran III)** bagi memastikan aktiviti tersebut bukan berunsur rasuah dan bebas daripada konflik kepentingan yang boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti kedua-dua belah pihak serta tidak bertentangan dengan Akta SPRM 2009.

## 8.0 BORANG SEMAKAN PEMATUHAN (*COMPLIANCE CHECKLIST*)

- 8.1 Setiap aktiviti CSR, tajaan dan sumbangan hendaklah melalui semakan pematuhan (*compliance checklist*). Ini bertujuan untuk mengesahkan tiada risiko yang boleh menjurus ke arah meletakkan SATU dalam kedudukan yang sukar pada masa kini atau akan datang.
- 8.2 Pihak yang bertanggungjawab menjalankan semakan pematuhan adalah pihak BIG dengan menggunakan Borang Semakan Pematuhan (*Compliance Checklist*) (**Rujuk Lampiran IV**).

## 9.0 AKTIVITI YANG DILARANG

- 9.1 Tajaan penuh mengikuti kursus/latihan oleh rakan perniagaan adalah tidak dibenarkan. Sekiranya kakitangan masih lagi menerima tawaran sebegini, kakitangan perlu mengemukakan tawaran tersebut terlebih dahulu kepada BIG untuk semakan pematuhan (*compliance checklist*) dan mendapatkan kelulusan daripada KPE.
- 9.2 Polisi ini tidak menghalang kakitangan daripada mengikuti kursus/latihan atau menyertai lawatan kerja yang ditawarkan oleh rakan perniagaan. Walau bagaimanapun, KPE hendaklah dimaklumkan dan kos pembiayaan oleh SATU atau KSKK SATU hendaklah mendapatkan kelulusan yang sewajarnya.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

### 9.3 Aktiviti-aktiviti lain yang dilarang adalah seperti berikut:

- (a) Aktiviti yang melanggar polisi, arahan kerja dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan SATU atau undang-undang negara;
- (b) Aktiviti dalaman di peringkat Bahagian/Daerah melibatkan aktiviti tajaan atau sumbangan yang telah diberi peruntukan bajet, melainkan terdapat keperluan perbelanjaan di luar jangka;
- (c) Aktiviti yang dilakukan dengan niat untuk mendorong kakitangan untuk melakukan sesuatu yang tidak wajar yang berkaitan dengan kewangan atau pelanggaran integriti; dan
- (d) Aktiviti berkaitan politik atau berunsurkan politik.

9.4 Polisi ini **melarang** sebarang inisiatif dibuat dalam bentuk pemberian wang tunai kepada KSKK SATU atau kakitangan SATU.


## 10.0 PELANGGARAN POLISI

### 10.1 Oleh kakitangan SATU:

Kakitangan SATU boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut MPSM atau di bawah undang-undang jenayah negara yang berkaitan. Tindakan ini boleh termasuk **pemberhentian** kerja. Kesalahan juga boleh dipanjangkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya

### 10.2 Oleh Rakan Perniagaan:

Rakan perniagaan juga boleh dikenakan tindakan mengikut Manual Perolehan atau di bawah undang-undang jenayah negara yang berkaitan. Pihak pengurusan SATU berhak untuk menyenaraihitamkan mana-mana organisasi yang melanggar polisi ini. Kesalahan juga boleh dipanjangkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

 SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

### 10.3 Oleh Pihak Ketiga:

Pihak ketiga juga boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang jenayah negara yang berkaitan. Kesalahan juga boleh dipanjangkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya

10.4 Sekiranya berlaku pelanggaran ke atas polisi ini, kakitangan atau mana-mana pihak boleh melaporkan kejadian tersebut menerusi **saluran pendedahan maklumat SATU (*whistleblowing*)** melalui saluran berikut:


Emel	<a href="mailto:whistleblower@satuwater.com.my">whistleblower@satuwater.com.my</a>
Laman web	<a href="https://www.satuwater.com.my">https://www.satuwater.com.my</a>
Surat Menyurat / <i>walk-in</i>	Ketua Bahagian Integriti & Governans, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd, Jalan Sultan Ismail, 20200, Kuala Terengganu, Terengganu.
SPRM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Portal Aduan Rasuah SPRM</li> <li>• Talian Bebas Tol: 1-800-88-6000</li> <li>• Emel: <a href="mailto:info@sprm.gov.my">info@sprm.gov.my</a></li> <li>• Hadir ke mana-mana Pejabat SPRM berdekatan</li> </ul>

## 11.0 PINDAAN/PENGEMASKINIAN

11.1 Sebarang cadangan baharu yang tidak dinyatakan dalam polisi ini hendaklah dirujuk kepada BIG untuk dikemukakan kepada KPE SATU bagi pertimbangan dan keputusan, serta kelulusan dari ALP.

## 12.0 TARIKH KUATKUASA

12.1 Polisi ini akan berkuatkuasa serta-merta.

 <b>SATU</b> SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kkuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

---









## 13.0 RUJUKAN

13.1 Polisi ini perlu dibaca bersama-sama dokumen berkaitan seperti berikut:

- (a) Polisi Tiada Hadiah SATU.
- (b) Polisi Anti-Rasuah & Korupsi SATU.
- (c) Polisi Pemberi Maklumat SATU.
- (d) Kod Etika Perniagaan SATU.
- (e) Manual Pengurusan Sumber Manusia.
- (f) Akta Pertubuhan 1966.
- (g) Perlembagaan KSKK SATU.

13.2 Sekiranya terdapat sebarang soalan atau tidak pasti tentang penggunaan polisi ini, sila dapatkan penjelasan daripada Ketua BIG SATU.


## LAMPIRAN I (A): CARTA ALIR PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN OLEH SATU

Tanggungjawab	Carta Alir	Perincian
		
Pihak Ketiga		<p>2. Pemohon / Pihak Ketiga perlu membuat permohonan kepada SATU melalui surat permohonan rasmi.</p>
BIG		<p>2.1 BIG perlu memberi ulasan berdasarkan <b>Borang Semakan Pematuhan (Rujuk Lampiran IV)</b> sebelum dibawa ke peringkat kelulusan.</p>
SATU – KPE / ALP		<p>3. SATU akan menilai permohonan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan KPE diperlukan bagi pemberian bernilai kurang RM 100,000.00 .</li> <li>• Kelulusan ALP diperlukan bagi pemberian bernilai lebih RM 100,000.00 .</li> </ul>
		
SATU		<p>4. SATU akan memproses pemberian CSR, Tajaan atau Sumbangan kepada pemohon.</p> <p>4.1 Pemberian diserahkan kepada Pemohon.</p>
SATU BIG		<p>5. SATU perlu menghantar laporan pemberian kepada BIG, apabila diminta, untuk semakan integriti secara berkala.</p>
		




## LAMPIRAN I (B): CARTA ALIR PENGENDALIAN CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN OLEH KSKK SATU

Tanggungjawab	Carta Alir	Perincian
Bahagian / Pihak Ketiga		2. Pemohon / Pihak ketiga perlu membuat permohonan kepada KSKK SATU, mengikut kesesuaian.  (i) <b>Borang Permohonan (Rujuk Lampiran II)</b> perlu disertakan bersama kertas cadangan. (ii) Permohonan melalui surat rasmi, bagi agensi berkaitan.
KSKK SATU		3. KSKK SATU akan memproses permohonan yang diterima dan akan menilai untuk meluluskan permohonan bagi ke langkah seterusnya.
KSKK SATU		4. KSKK SATU akan mengemukakan permohonan kepada Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan untuk mendapatkan sebarang CSR, Tajaan atau Sumbangan.
KSKK SATU Pihak Ketiga		5. Pihak Ketiga yang bersetuju akan memberikan CSR, Tajaan atau Sumbangan kepada KSKK SATU.  5.1 Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan perlu mengisi <b>Borang Pengisytiharan &amp; Aku Janji (Lampiran III)</b>  5.2 BIG perlu memberi ulasan berdasarkan <b>Borang Semakan Pematuhan (Lampiran IV)</b> sebelum dibawa ke peringkat kelulusan.






 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU</b> <b>SATU SDN. BHD. (453286-D)</b>	No. Rujukan : SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :
	Tarikh Kuatkuasa: 14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN

**LAMPIRAN III:  
BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU  
JANJI**

<b>KSKK SATU</b>	<b>BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN &amp; AKU JANJI</b>	<b>RUJUKAN:</b> SATU: 2.07/ /
<b>JENIS AKTIVITI YANG DIJALANKAN</b>	CSR	
	Tajaan	
	Sumbangan	
<b><u>PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT</u></b>		
<b>BAGI PIHAK KSKK SATU</b>	Nama Pegawai Bertanggungjawab:	
	Jawatan:	
<b>BAGI PIHAK KETIGA/RAKAN PERNIAGAAN</b>	Nama Pegawai Bertanggungjawab:	
	Jawatan:	
Kami / Saya dengan ini memberi aku janji tanpa bersyarat dan tidak boleh batal seperti berikut: <p>(a) tidak mempunyai apa-apa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam CSR/tajaan/sumbangan antara SATU dengan Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan.</p> <p>(b) sekiranya mempunyai kepentingan, kami / saya dengan ini membuat pengisytiharan seperti berikut:</p>		
<i>(Tandakan √ pada ruangan)</i>		<b>** JENIS &amp; PENDEDAHAN KEPENTINGAN</b> contoh: Secara Terus, syarikat sendiri panel SATU Secara Tidak Langsung, syarikat ahli keluarga (ayah) panel SATU
<b>* ADA KEPENTINGAN</b>	<b>* TIADA KEPENTINGAN</b>	
<b>AKU JANJI</b>		
1. Tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah atau bersubahat dengan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses pengendalian CSR/tajaan/sumbangan dilaksanakan.		
2. Pada setiap masa kami / saya akan mematuhi peruntukan undang-undang Negara termasuklah arahan atau peraturan yang berkaitan rasuah.		

 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU</b> <b>SATU SDN. BHD. (453286-D)</b>	No. Rujukan :	SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :	
	Tarikh Kuatkuasa:	14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN	

<p>3. Aktiviti CSR/tajaan/sumbangan yang dilaksanakan adalah bebas dari rasuah, konflik kepentingan, salah guna kuasa atau penyelewengan dan tidak boleh digunakan sebagai alasan/penyebab oleh kedua belah pihak yang terlibat untuk memperolehi faedah / kelebihan dalam apa-apa urusan niaga di masa hadapan.</p> <p>4. Sekiranya ada sebarang percubaan untuk memberi dan/atau menerima rasuah daripada mana-mana pihak, kami/saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kami/saya sedar kegagalan kami / saya untuk berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].</p>	
<b>KSKK SATU</b> <i>(Ruangan perlu dilengkapi oleh wakil KSKK SATU)</i>	<b>Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan</b> <i>(Ruangan perlu dilengkapi oleh wakil Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan)</i>
Tandatangan :	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
<b>Kegunaan Bahagian Integriti &amp; Governan (BIG)</b>	
Ulasan:	Pengesahan Ketua Integriti & Pengurusan Risiko
.....	.....
.....	.....
.....	Tarikh:

**Nota:** Tiada apa-apa dalam garis panduan ini atau apa-apa pindaan yang dibuat di bawahnya boleh menghalang apa-apa tindakan diambil di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, Kanun Keseksaan, dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan terhadap mana-mana pegawai SATU atau pihak yang terlibat.

Sila lengkapkan jadual di atas berdasarkan maklumat di bawah :


**\*Ada / Tiada Kepentingan:**

Sila tandakan (/) pada kotak yang berkenaan.

**\*\*Jenis & Pendedahan Kepentingan :**

Jika mempunyai kepentingan, sila nyatakan jenis kepentingan :

- **Secara Terus** - syarikat / individu mempunyai kepentingan; atau
- **Secara Tidak Langsung** - keluarga terdekat mempunyai kepentingan.
  - **"Keluarga Terdekat"** tidak terhad kepada suami / isteri, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), abang, kakak, adik, ibu dan bapa (termasuk ibu dan bapa mertua) dan suami / isteri kepada anak, abang, kakak dan adik;
  - **"Pendedahan Kepentingan"** hendaklah dibuat ke atas kepentingan material yang bermaksud seperti berikut :
    - (i) mempunyai pegangan saham sekurang-kurangnya 5% dalam mana-mana syarikat yang terlibat dalam proses CSR/tajaan/sumbangan.
    - (ii) menjadi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam mana-mana syarikat tersebut; atau
    - (iii) menjadi penasihat atau kakitangan kepada mana-mana syarikat tersebut.

 <b>SYARIKAT AIR TERENGGANU</b> <b>SATU</b> SDN. BHD. (453286-D)	No. Rujukan : SATU/BIG/2024/7	Pindaan Terakhir :
	Tarikh Kkuatkuasa: 14 Disember 2023	POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN

## LAMPIRAN IV: BORANG SEMAKAN PEMATUHAN (COMPLIANCE CHECKLIST)

	<b>COMPLIANCE CHECKLIST</b>	RUJUKAN: SATU: 2.07/ /
<b>RUJUKAN PERMOHONAN:</b> SATU.2.07/ /		
<b>BAHAGIAN / PROGRAM</b>		
Bahagian / Program:		
Pegawai Bertanggungjawab:		
<b>JENIS PERMOHONAN</b>		
<input type="checkbox"/> <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) <input type="checkbox"/> TAJAAN <input type="checkbox"/> SUMBANGAN		
<b>SENARAI SEMAK</b>		
<input type="checkbox"/> Tujuan permohonan adalah jelas.		
<input type="checkbox"/> Pihak Ketiga/Rakan Perniagaan mempunyai hubungan terus dengan pihak SATU.		
<input type="checkbox"/> Pihak ketiga/Rakan Perniagaan tidak mempunyai rekod kesalahan/aduan berkaitan rasuah yang melibatkan SATU.		
<input type="checkbox"/> Mematuhi Polisi CSR, Tajaan dan Sumbangan SATU.		
<input type="checkbox"/> Sumbangan yang diberikan tidak akan mempengaruhi keputusan aktiviti SATU.		
<input type="checkbox"/> Keputusan sumbangan program di atas tidak akan menyebabkan imej buruk kepada SATU.		
<input type="checkbox"/> Sumbangan yang diminta tidak menimbulkan tekanan/paksaan kepada pihak SATU.		
Lain-Lain:		
<input type="checkbox"/> .....		
<input type="checkbox"/> .....		
<input type="checkbox"/> .....		
<input type="checkbox"/> .....		
<b>KEGUNAAN BAHAGIAN INTEGRITI &amp; GOVERNANS</b>		
<b>ULASAN:</b>		
.....		
.....		
.....		
<b>Tandatangan:</b>	<b>Cop:</b>	
.....		
<b>Tarikh:</b>		



 **Bahagian Integriti & Governans**

Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.

Jalan Sultan Ismail,

20200 Kuala Terengganu,

Terengganu Darul Iman.

 09-6201111 & 09-6214111

 09-6201104

